

UMS, UNISSA tandatangani Surat Hasrat

NST 27.1.2014 2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) t menandatangani Surat Hasrat (LoI) dengan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Negara Brunei Darussalam yang akan membolehkan kedua-dua pihak menjalankan kerjasama dalam pelbagai bidang akademik.

UMS diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah manakala Rektor UNISSA, Pg Anak Dr Haji Amiruddin Alam Shah Pg Anak Haji Ismail mewakili UNISSA menandatangani Surat Hasrat tersebut dalam satu majlis yang berlangsung di pejabat UNISSA. Perjanjian kerjasama ini turut disaksikan oleh Duta Besar Malaysia ke Brunei Darussalam, Datuk Awang Sahak Awang Salleh.

Melalui kerjasama tersebut, kedua-dua pihak bakal menjalankan penyelidikan bersama dalam bidang e-perdagangan dan kewangan Is-



TUKAR DOKUMEN ... Harun (kiri) dan Pg Anak (kanan) bertukar dokumen sambil disaksikan oleh Awang Sahak (tengah).

lam, selain menjalankan kajian terhadap Borneo. Kedua-dua pihak juga turut bersestuju untuk mengadakan program mobiliti kakitangan dan pelajar, selain pertukaran pen-

syarah bahasa kedua-dua universiti.

Perjanjian kerjasama terbaru ini yang ditandatangani sempena lawatan delegasi UMS ke Negara Brunei

Darussalam baru-baru ini, bakal menyemarakkan lagi hubungan dua hala antara UMS dengan institusi pengajian tinggi di negara tersebut